

Kreativiti Mampu Hasil Keistimewaan Inovasi Tingkatkan Ekonomi - Idris

Oleh JAAFAR NEEMAT

AYER KEROH, 5 Sept - Kerajaan sentiasa memberi galakan terhadap aspek inovasi untuk meningkatkan ekonomi ketahap yang berbeza dan terbukti bahawa kreativiti dan ketekunan boleh menghasilkan sesuatu yang istimewa dan kelainan.

Ketua Menteri, Datuk Wira Ir Idris Haron berkata, kemajuan dan pembangunan sesebuah negara bukan terletak pada tahap pertumbuhan KDNK semata-mata bahkan kerajaan telah banyak membina infrastruktur sokongan pelancongan dan mempro-



Latip melihat pelbagai juadah sambil membakar satay

mosikan secara proaktif. "Oleh itu, aspek inovasi dan kreativiti di Philea Resort dan SPA

yang terbesar di Asia menjadi bukti sebagai penyumbang ke arah meningkatkan ekonomi



Sebahagian warga kerja Resort Philea bergambar kenangan bersama Latip



Buah-buahan tempatan turut menjadi tarikan pelancongan di resort berkenaan



Latip disambut oleh Izhar diiringi dengan persembahan kebudayaan dan silat

sekaligus menghasilkan peluang perniagaan dan pekerjaan yang istimewa dan ada kelainan.

"Saya kagum usaha resort ini mengadakan pakej bulan madu, pakej keluarga dan pelancong sudah pasti menarik perhatian pengunjung untuk mengingati di sini," katanya pada Majlis Rumah Terbuka Philea Resort and SPA sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri di sini, semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan Exco Komunikasi, Perpaduan, Hal Ehwal Pengguna dan Koperasi.

Idris berkata, selain itu resort berkenaan mengadakan pelbagai aktiviti antaranya mengacau dodol, majlis korban dan permainan bunga api sempena sambutan Hari Raya Haji akan datang.

"Kepelbagaian aktiviti yang dianjurkan oleh resort ini mencerminkan masyarakat pelbagai bangsa bersantai menikmati selera dan beramah mesra sambil menyaksikan program-program menarik," katanya.

Hadir sama, Pengarah Kewangan Philea Resort & Spa, Lim Beng



Latip memukul gong sebagai tanda perasmian pakej Hari Raya Haji

Web; Pengarah Jualan, Izhar Ibrahim; Pengarah Tourism Malaysia Melaka, Jefri Munir serta para pelanggan dan wakil media.

Tambah beliau, kerajaan tidak henti-henti

mempromosikan falsafah menerusi konsep iMalaysia di mana masyarakat berbilang kaum bukan sahaja tinggal dan bekerjasama malah turut bersantai bersama dengan aman dan sejahtera.

InvestMelaka

06- 333 3333 - 24 JAM

Perkhidmatan yang disediakan oleh
Melaka One Number Call Centre

- Memudahkan orang ramai menghubungi Jabatan Kerajaan dan diambungkan kepada agensi atau jabatan berkaitan dengan hanya melalui satu nombor sahaja iaitu 06- 333 3333
- Menerima dan mengambil maklum balas, aduan, pertanyaan dan selangan daripada orang ramai berkenaan negeri Melaka.
- Menyediakan panggilan keluar dari Jabatan Kerajaan kepada Jabatan / Agensi atau nombor yang dituntut.
- Sebagai talian informasi kepada pelabur, pelancong dan orang ramai untuk mendapatkan maklumat tentang negeri Melaka.
- Menerima aduan tentang masalah sosial dan pertanyaan mengenai Sekolah Harapan.
- Menyediakan perkhidmatan Info Blast & Mengembalikan Jawatan Kesong Negeri Melaka.